

'Tak pernah-pernah'

>>Oleh Zainuddin Zain
zainuddin@hmetro.com.my

ALOR SETAR: "Tidak pernah sepanjang hidup selama 67 tahun kawasan kami dinaiki air termasuk ketika Kedah dilanda banjir besar pada 1999 dan 2005, tetapi (banjir) kali ini, kami turut terjejas." Itu luahan penduduk Hutan Kampung, dekat sini, Mokhtar Ahmad, 67, yang terkejut apabila kawasan tempat tinggalnya dinaiki air sehingga sedalam dua meter semalam.

Menurutnya, ketika keluar dari rumahnya ke pusat bandar raya untuk membeli keperluan rumah kira-kira jam 7 malam semalam, keadaan jalan dari Hutan Kampung ke Alor Setar masih seperti biasa sedangkan daerah Kubang Pasu, Pokok Sena, Padang Terap, Langgar teruk dilanda banjir selain beberapa kawasan bersebelahan Sungai Kedah di Alor Setar.

"Bagaimanapun, air meningkat mendadak di Hutan Kampung dan Jalan Langgar sejak awal pagi tadi (semalam) menyebabkan sebahagian besar jalan utama di



TENGGELAM...jaluan di Kilometer 4 dan 5 Jalan Langgar, Aor Setar yang tidak pernah ditenggelami air dinaiki air sehingga 0.5 meter, semalam.

Hutan Kampung ditenggelami air.

"Keadaan air juga dilaporkan agak tinggi di Kepala Batas berpunca dari banjir yang sudah surut di Bukit Pinang mengalir ke Hutan Kampung dan Kepala Batas," katanya.

Peniaga, Tolha Ahmad, 49, pula bimbang barangan perediaan perkahwinan anaknya dua minggu lagi musnah apabila rumahnya di Taman Mawar, Hutan Kampung dilanda banjir.

"Saya hanya mendapat tahu rumah kami dimasuki air pagi ini (semalam) apabila dihubungi jiran ketika saya berada di rumah seorang lagi anak di Kuala Kedah sejak dua hari lalu," katanya.

Menurutnya, dia bergegas pulang bersama dua anaknya untuk menyelamatkan barangan dalam rumah termasuk peralatan perkahwinan anak ketiganya yang akan berlangsung dua minggu lagi.



MOKHTAR...terkejut



TOLHA...bimbang

492 mangsa dibenarkan pulang

KOTA BHARU: Semua 492 mangsa banjir yang ditempatkan di tiga pusat pemindahan sementara di sekitar pekan Rantau Panjang, di sini, sudah dibenarkan pulang ke kediaman masing-masing selepas air surut sejak petang kelmarin.

Mereka yang dibenarkan pulang pada jam 4 petang itu membabitkan mangsa banjir di penempatan sementara Stesen Kereta Api Tanah Melayu Berhad (KTMB) Rantau Panjang, Sekolah Kebangsaan (SK) Gual Tinggi dan Madrasah Kampung Siram.

Jurucakap bilik gerakan banjir Rantau Panjang, berkata tindakan membenarkan mangsa pulang selepas keadaan banjir semakin surut di beberapa perkampungan di sekitar pekan itu termasuk Kampung Kedai La-

ma Rantau Panjang, Kampung Kubang Kual dan Kampung Kubang Chenok.

“Air sudah surut sejak Rabu lalu dan semua pusat pemindahan sementara di sekitar bandar ini sudah ditutup sejak 4 petang. Jalan juga dibuka kepada semua jenis kenderaan berikutan keadaan air yang semakin surut dan mengering.

“Pada masa sama, operasi perniagaan di pekan Rantau Panjang berjalan seperti biasa, selain perniagaan mengambil kesempatan membersihkan gerai masing-masing akibat banjir yang berlaku di kawasan perniagaan mereka,” katanya dihubungi di sini, semalam.

Katanya, keadaan cuaca yang cerah juga mempercepatkan proses pengeringan air di kawasan itu dan mengharapakan keadaan itu berterusan.

Sebelum ini, jumlah mangsa banjir yang ditempatkan di pusat pemindahan sementara dekat sini, pada Khamis lalu meningkat kepada 492 orang berbanding 321 orang pada hari sebelumnya.

Penduduk di penempatan sementara Stesen KTMB Rantau Panjang, meningkat kepada 107 keluarga, manakala di SK Gual Tinggi (45) dan Madrasah kampung Siram 25 orang.

Peningkatan mangsa banjir itu dikatakan berlaku berikutan limpahan air Sungai Golok yang memenuhi beberapa kawasan terjejas.

Mereka adalah penduduk dari Kampung Kedai Lama, Kampung Kedap, Kampung Dangar, Kampung Jeram Perdah, Kampung Lubok Setol, Kampung Tok Deh dan kawasan sekitarnya.